

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 8 Disember 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI PERANGKAAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA OKTOBER 2023

Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 0.6 peratus pada Oktober 2023

PUTRAJAYA, 8 Disember 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Oktober 2023**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli meningkat 0.6 peratus pada bulan Oktober 2023 (32,944 tan metrik) berbanding pada bulan September 2023 (32,757 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 3.6 peratus (Oktober 2022: 31,795 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Oktober 2023 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (84.2%) berbanding sektor estet (15.8%).

Jumlah stok getah asli pada Oktober 2023 menurun 0.4 peratus kepada 152,396 tan metrik berbanding 153,011 tan metrik pada September 2023. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 88.7 peratus diikuti kilang pengguna getah (11.2%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 56,460 tan metrik pada Oktober 2023, menurun 1.0 peratus berbanding September 2023 (57,028 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 58.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Oktober 2023 diikuti Jerman (8.5%), Iran (3.5%), Portugal (2.0%) dan Türkiye (1.8%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.0 billion pada Oktober 2023, menurun 2.0 peratus berbanding September 2023 (RM1.02 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 10.6 peratus (Oktober 2023: 532.20 sen sekilogram; September 2023: 481.08 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat 4.4 peratus (Oktober 2023: 548.84 sen sekilogram; September 2023: 525.59 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 3.2 peratus hingga 10.5 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 2.1 peratus (daripada USD 1.42/kg kepada USD1.45/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 3.4 peratus (daripada USD1.55/kg kepada USD1.61/kg).


Menurut laporan *Malaysia Rubber Board Digest* pada Oktober 2023, pasaran getah Kuala Lumpur secara amnya, bercampur-campur dengan harga SMR 20 dan Lateks Pekat bergerak dalam momentum meningkat disokong oleh pasaran asas yang menggalakkan terutama kekurangan bekalan getah disebabkan cuaca lembab di kebanyakan negara pengeluar getah.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Oktober 2022 dan September - Oktober 2023
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Oktober 2022 dan September - Oktober 2023
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 DISEMBER 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 8th December 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
OCTOBER 2023

Malaysia natural rubber production
increased by 0.6 per cent in October 2023

PUTRAJAYA, 8 December 2023 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, October 2023**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production increased by 0.6 per cent in October 2023 (32,944 tonnes) as compared to September 2023 (32,757 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 3.6 per cent (October 2022: 31,795 tonnes). Production of NR in October 2023 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (84.2%) as compared to estates sector (15.8%).

Total stocks of NR in October 2023 decreased by 0.4 per cent to 152,396 tonnes as compared to 153,011 tonnes in September 2023. Rubber processors factory contributed 88.7 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (11.2%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 56,460 tonnes in October 2023, decreased 1.0 per cent as against September 2023 (57,028 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 58.9 per cent of total exports in October 2023

followed by Germany (8.5%), Iran (3.5%), Portugal (2.0%) and Türkiye (1.8%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.0 billion in October 2023, a decrease of 2.0 per cent as compared to September 2023 (RM1.02 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 10.6 per cent (October 2023: 532.20 sen per kg; September 2023: 481.08 sen per kg) while Scrap increased by 4.4 per cent (October 2023: 548.84 sen per kg; September 2023: 525.59 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) increased between 3.2 per cent to 10.5 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 2.1 per cent (from USD1.42/kg to USD1.45/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) increased 3.4 per cent (from USD1.55/kg to USD1.61/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest in October 2023, the Kuala Lumpur rubber market was generally mixed in October with the price of SMR 20 and Concentrated Latex moving upwards supported by favourable market fundamentals especially tighter rubber supply due to wet weather in major rubber-producing countries.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber October 2022 and September - October 2023 ('000 tonnes)





Chart 2: Imports and exports of natural rubber October 2022 and September - October 2023 ('000 tonnes)



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 DECEMBER 2023**